

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- a) status terkini Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 selari dengan rancangan menjamin kelajuan internet sekurang-kurangnya 30 Mbps kepada 98% rakyat Malaysia; dan
- b) perancangan Kementerian membuka akses 'Coverage Mapping' buat capaian umum dalam usaha meningkatkan ketelusan data capaian internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1) adalah diperingkat perolehan tapak dan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ianya melibatkan proses pemerolehan bagi 152 tapak di lapan negeri di 93 mukim. Perkara ini telah mengambil sedikit masa akibat penularan wabak Covid-19 dan pematuhan kepada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan

SOALAN NO : 18

(PKP) serta keutamaan kepada keselamatan pekerja dan masyarakat tempatan. Pembinaan menara komunikasi di 147 tapak dijangka siap dalam suku pertama 2021 manakala selebihnya dijangka siap pada Februari 2022 memandangkan lokasinya yang agak jauh di pedalaman.

2. Selanjutnya, sesi perancangan akan diadakan bersama pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya. Antara perkara yang akan dibincangkan termasuklah pemetaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih.

3. Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan kerajaan persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pemudahcaraan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak yang terlibat. Versi yang boleh di akses oleh orang awam dijangka akan disediakan menjelang suku pertama 2021.